



## MAJLIS PERBANDARAN MUAR

### IKLAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT DARI JAWATAN PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA29 KE PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA36

Permohonan adalah dipelawa kepada Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA29 yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Majlis Perbandaran Muar.

1. (a) **JAWATAN** : PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA36  
(b) **KEMENTERIAN / JABATAN** : MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
(c) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA  
(d) **KLASIFIKASI** : KEJURUTERAAN  
(e) **GRED** : JA36  
(f) **KEKOSONGAN** : 1 (SATU)

2. **Jadual Gaji** **Jadual Gaji Minimum – Maksimum** : RM 3,225.00 – RM 7,438.00

#### 3. **SYARAT KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA36**

Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred JA29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred JA36 setelah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) Mencapai prestasi yang ditetapkan iaitu bagi tahun 2017, 2018 dan 2019 atas gred jawatan hakiki/lantikan;
- (c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- (d) Bebas daripada sebarang tindakan dan hukuman tatatertib;
- (e) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa;
- (f) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (g) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
- (h) Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga.

#### 4. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:**

Pegawai-pegawai yang memasuki Perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred JA36 adalah tertakluk kepada syarat-syarat Skim Perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

#### 5. **PERMOHONAN**

- (a) Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bil.17 Bab A di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini;

- (b) Borang pemohon yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah;
- (c) Permohonan hendaklah disertakan 'video resume' yang berdurasi tidak lebih dari 3 minit dalam bentuk softcopy. Garis panduan penyediaan 'video resume' adalah sebagaimana berikut :
  - a) Video tersebut hendaklah menggunakan suara pemohon sebenar.
  - b) Kandungan video tersebut hendaklah merangkumi sebahagian besar perkara- perkara di bawah;
    - i) Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon
    - ii) Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon
    - iii) Ringkasan pengalaman kerja pemohon
    - iv) Pekerjaan / aktiviti terakhir atau semasa pemohon
    - v) Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon
    - vi) Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon
    - vii) Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'
    - viii) Ringkasan kelebihan / kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon
    - ix) Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon
    - x) Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon
  - c) Pemohon digalakkan menghasilkan 'video resume' yang unik dan kreatif.
  - d) Video hendaklah di simpan di dalam CD.
- (d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
- (e) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga; dan
- (f) Permohonan-permohonan yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya;
- (g) Sebarang usaha untuk membuat penghantaran dokumen **SELEPAS** borang dihantar / tarikh iklan ditutup **TIDAK AKAN DITERIMA**.
- (h) Pihak Pentadbiran Majlis Perbandaran Muar tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.
- (i) Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan format borang yang ditetapkan dan boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Muar. Borang permohonan yang telah **lengkap diisi** hendaklah dihantar kepada:

YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
KARUNG BERKUNCI NO.516,  
**84009 MUAR, JOHOR**

**6. Tarikh Tutup Permohonan : 29 MAC 2020**